



## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1982**

### **PEPERIKSAAN KEDUA PERKHIDMATAN DALAM SKIM-SKIM PERKHIDMATAN**

#### **Tujuan Pekeliling**

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk memberi penjelasan dan garis panduan mengenai dasar berhubung dengan Peperiksaan Kedua Perkhidmatan dalam sesuatu Skim Perkhidmatan.

#### **Bentuk Sekatan Dalam Skim Perkhidmatan**

2. Satu daripada ciri-ciri yang penting dalam Skim Perkhidmatan di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam (JKK) ialah peri mustahaknya sesuatu sekatan yang dimasukkan di dalam Skim Perkhidmatan. Laporan Jawatankuasa Kabinet telah menetapkan dua (2) jenis sekatan gaji di dalam sesuatu tanggagaji perlantikan iaitu sekatan percubaan dan sekatan kecekapan.
3. Maka adalah perlu dinyatakan di sini bahawa dengan adanya sekatan-sekatan di dalam Skim Perkhidmatan seperti tersebut, bermakna perlangkahannya akan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Keistimewaan (the significant) meletakkan sesuatu sekatan itu adalah untuk menekankan betapa penting penilaian ke atas pengetahuan, pengalaman kerja dan tatakelakuan seseorang anggota dalam perkhidmatan awam dari segi kesesuaian menyandang tugas jawatan yang dipegangnya. Sekiranya syarat-syarat tersebut tidak dipenuhi, maka seseorang itu tidak akan dibenarkan melangkah sekatan tersebut dan gajinya akan tertahan pada mata di bawah sekatan itu.

#### **Sekatan Peperiksaan Perkhidmatan**

4. Oleh kerana tiap-tiap lantikan tetap disyaratkan dengan tempoh percubaan, maka sekatan percubaan adalah syarat yang lazim di dalam tiap-tiap Skim Perkhidmatan.
5. Walaupun sekatan percubaan itu terletak di antara ketiga dengan mata keempat di dalam tanggagaji, penempatan sekatan itu tidak menandakan tempoh terakhir bagi seseorang memenuhi kesesuaianya untuk disahkan dalam jawatan biasanya melalui Peperiksaan Jabatan Pertama dan persijilan serta tatakelakuannya yang memuaskan. Setengah-setengah perkhidmatan yang mempunyai latihan pra-perkhidmatan tidak dikenakan Peperiksaan Pertama Jabatan. Oleh yang demikian itu, seseorang pegawai yang memperolehi perakuan daripada Ketua Jabatannya dan mempunyai tatakelakuan serta menjalankan tugas-tugasnya dengan mernuaskan bolehlah disahkan dalam jawatannya di akhir tahun pertama perlantikannya dan jika tatalaku dan kerjanya terus baik, ia akan dibenarkan melangkah sekatan percubaan pada tarikh kenaikan gajinya selepas tiga tahun perlantikannya.
6. Sekatan Peperiksaan Kedua Perkhidmatan ialah sekatan yang didapati di dalam Skim Perkhidmatan selepas sekatan percubaan. Sekatan Peperiksaan Kedua Jabatan itu tidaklah dibuat sebagai syarat untuk menahan seseorang itu dalam tanggagaji perlantikannya, tetapi adalah dipakai untuk menguji perkembangan pengetahuan dan kemahirannya dalam pekerjaannya.

7. Sehubungan dengannya, syarat-syarat untuk melangkah sekatan percubaan dan sekatan kecekapan apabila berpindah ke tanggagaji Jawatankuasa Kabinet adalah seperti mana yang telah diperuntukkan dalam perenggan 4.7 dan 4.8 Pekeliling Perkhidmatan melaksanakan penyemakan gaji Laporan Jawatankuasa Kabinet yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1977. Pegawai dalam perkhidmatan yang dahulu tertakluk kepada syarat-syarat peperiksaan perkhidmatan, mereka hendaklah terus mengambil peperiksaan tersebut sehingga dibuat pindaan kepada Skim Perkhidmatan masing-masing.

#### **Mengenakan Syarat Peperiksaan Kedua Perkhidmatan**

8. Adalah diputuskan bahawa:

- (a) Peperiksaan Kedua Perkhidmatan hendaklah diadakan bagi semua Skim Perkhidmatan Kumpulan Gaji C dan D, melainkan Skim-skim Perkhidmatan bagi jawatan-jawatan Kumpulan tersebut itu tidak mensyaratkannya;
- (b) Peperiksaan Kedua Perkhidmatan adalah untuk melangkah sekatan kecekapan dan juga dijadikan syarat kelayakan bagi kenaikan pangkat; dan
- (c) Tarikh kuatkuasa syarat lulus Peperiksaan Kedua Perkhidmatan ini ialah mulai daripada 1-7-1977.

#### **Perlaksanaannya**

9. Dengan terkeluarnya Surat Pekeliling ini, maka syarat-syarat bagi melangkah sekatan kecekapan ketika melaksanakan penyemakan gaji menurut Pekeliling Perkhidmatan yang dikuatkuasakan adalah diubahsuai selaras dengan peraturan-peraturan berikut:

- (a) Semua pegawai agensi Kerajaan yang berpindah ke tanggagaji Kabinet baru pada 1-7-77 dalam Skim-skim Perkhidmatan Kumpulan Gaji C dan D adalah tertakluk kepada syarat lulus Peperiksaan Kedua Perkhidmatan untuk melangkah sekatan kecekapan dan kenaikan pangkat, melainkan jika sekiranya Skim Perkhidmatannya di bawah Laporan Jawatankuasa tidak mensyaratkannya;
- (b) Pegawai-pegawai yang dilantik ke dalam Skim-skim Perkhidmatan Kumpulan Gaji C dan D pada atau selepas 1-7-77 di mana Skim Perkhidmatannya mensyaratkan Peperiksaan Kedua Perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat lulus Peperiksaan Kedua Perkhidmatan untuk melangkah sekatan kecekapan dan kenaikan pangkat;
- (c) Pegawai-pegawai yang dilantik sebelum 1-7-77 ke dalam jawatan-jawatan Kumpulan Gaji C dan D, yang mana Skim Perkhidmatan mereka sebelum perlaksanaan Laporan JKK tidak mensyaratkan Peperiksaan Kedua Perkhidmatan, bolehlah dibenarkan menerima kenaikan gaji tahunan sehingga matagai maksima di atas tanggagaji Jawatankuasa Kabinet.

#### **Pembatalan**

10. **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 6. Tahun 1971** adalah dibatalkan.

11. Semua Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Y.B.Setiausaha Kerajaan Negeri/Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun/Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan adalah diminta mengambil perhatian terhadap dasar Peperiksaan Perkhidmatan Kedua ini dan melaksanakan perbekalan ini sewajarnya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MAHMUD BIN TAIB)  
*Bahagian Perjawatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

15hb Februari, 1982.  
Y.B. Ketua Setiausaha Negara,  
Jalan Dato' Onn,  
Kuala Lumpur.

Setiausaha,  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,  
Jalan Young,  
Kuala Lumpur.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.  
Semua Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.  
Semua Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.